

ORANG ramai yang menyertai *Fun Run 5km* anjuran UMP dengan kerjasama Kumpulan Utusan sempena Pesta Konvokesyen UMP tahun lalu.



# Jom sertai *Fun Run 5km* UMP

UTUSAN MALAYSIA (HELLO KAMPUS) 8/11/13 (RABU) M15: 23

**U**NIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan *Fun Run 5km* sempena Pesta Konvokesyen 2017 universiti itu yang akan diadakan pada 12 November ini di Pusat Aktiviti Pelajar UMP, Kuantan, Pahang.

*Fun Run 5km* diadakan dengan kerjasama Genesis iaitu Program Siswa Sihat (Prosis) UMP dan syarikat minuman 100 Plus yang merupakan penaja rasmi larian tersebut.

Larian itu terbahagi enam kategori iaitu lelaki terbuka (18 tahun ke atas), wanita terbuka (18 tahun ke bawah), lelaki veteran (40 tahun ke atas), wanita veteran (40 tahun ke bawah), lelaki remaja (17 tahun ke bawah) dan wanita remaja (17 tahun ke bawah).

Pemenang tempat pertama hingga ketiga bagi setiap

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**  
[kampus@utusan.com.my](mailto:kampus@utusan.com.my)



Pesta **KONVO**

UTUSAN MALAYSIA  
HISORANG MALAYSIA



Universiti **Malaysia PAHANG**



kategori bakal menerima hadiah wang tunai RM300, RM200, RM100 berserta sijil penyertaan, manakala tempat keempat dan kelima masing-masing bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM50 berserta sijil penyertaan.

Orang ramai yang berminat menyertai larian berkenaan boleh mengisi borang pendaftaran di pejabat sekretariat larian atau secara *walk-in*.

Pengambilan kit larian akan bermula pada 10 hingga 11 November ini bermula pada pukul 10 pagi hingga 7 malam di Pusat Rekreasi Tasik UMP, Pekan, Pahang.

Kit larian juga boleh diambil pada 12 November pada pukul 6 pagi di khemah Urusetia Pusat Aktiviti Pelajar UMP.

Yuran penyertaan sebanyak RM40 dikenakan bagi setiap kategori yang dipertanding. Seramai 500 peserta yang mendaftar awal akan menerima baju-T, medal dan sijil penyertaan.

Para peserta larian juga berpeluang untuk menerima pelbagai hadiah cabutan bertuah berupa barangan elektrik dan barangan eksklusif Kumpulan Utusan.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi di talian 019-6140275 atau 012-284 6811.